

Terokai pasaran luar negara – TPM
Utusan Online
December 9, 2011

PERTH 8 Dis. - Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu lebih banyak syarikat Malaysia meneroka pasaran luar negara bagi mengembangkan potensi dan seterusnya membantu kerajaan mencapai objektif Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sebagai contoh, kejayaan Kumpulan Sapura yang kini menjadi peneraju dalam beberapa sektor terutama minyak dan gas merupakan satu pencapaian yang cukup membanggakan.

"Sapura sudah terkenal sebagai salah satu syarikat peneraju di bidang ini, jadi kita yakin dengan adanya syarikat Malaysia yang berkemampuan seperti ini sektor ini akan bukan saja berkembang tetapi menjadi penyumbang utama bersama-sama syarikat lain yang sudah melibatkan diri dalam sektor ini.

"Ini kerana kita mahu dalam tempoh 10 tahun akan datang, 12 bidang utama ini jadi pembangkin, peneraju kepada ekonomi negara kita dan salah satu bidangnya ialah minyak dan gas," katanya.

Muhyiddin berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Total Marine Technology (TMT) yang dimiliki sepenuhnya oleh SapuraCrest Petroleum Berhad di Bibra Lake, dekat sini semalam.

TMT merupakan pengeluar kenderaan operasi kawalan jauh (ROV) dan pesawat tanpa pemandu (UAV) yang dibekalkan kepada pelbagai industri terutama minyak dan gas serta pertahanan.

Hadir sama mengiringi Muhyiddin dalam lawatan itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sapura, Datuk Seri Shahril Shamsuddin.

Sementara itu, jelas Muhyiddin, penglibatan Sapura dalam pembuatan ROV dan UAV yang melibatkan penggunaan teknologi tinggi merupakan manifestasi kejayaan sebuah syarikat Malaysia di luar negara.

Katanya, bidang-bidang ini semua mempunyai potensi besar dan pasarannya mencecah berbilion ringgit di seluruh dunia dan diharapkan apa yang diusahakan ini terus berkembang pada masa hadapan.

"Walaupun ada syarikat lain telah bertapak di bidang ini, namun Sapura satu daripada syarikat yang ada potensi.

"Dan dengan sebab terjalin hubungan strategik antara pengusaha Australia dengan syarikat Malaysia seperti Sapura ia boleh menambah nilai kepada bidang yang mereka mahu teroka pada masa akan datang," ujarinya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1209&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm